

SIKAP GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc)

Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain¹ &
Ahmad Marzuki Mohamad²

ABSTRAK

E-JITU

Acceptance date:
15th October 2020

Valuation date:
15th November 2020

Publication date:
15th December 2020

Sikap merupakan proses yang panjang untuk dibentuk dalam sebuah pendidikan. Sikap seorang guru akan membentuk kelakuan sikap anak pelajarnya. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang telah dijalankan terhadap guru-guru Pendidikan Islam di sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap sikap guru-guru Pendidikan Islam terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam. Hal ini kerana terdapat guru pendidikan Islam (GPI) yang lebih suka menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan daripada mengajar kemahiran berfikir. Borang soal selidik telah dijadikan instrumen utama dalam kajian ini. Seramai 105 orang guru Pendidikan Islam telah terlibat sebagai responden kajian. Dapatan kajian ini, menunjukkan tahap penguasaan sikap terhadap guru Pendidikan Islam adalah pada aras tinggi dengan skor (min = 3.66 dan S.P = 0.338). Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah, pengkaji dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan penambahbaikan dalam KBAT terutamanya. Seterusnya, menyediakan pelbagai rancangan bagi menambah pengetahuan dan kemahiran guru-guru, khususnya guru Pendidikan Islam dalam usaha untuk meningkatkan kejayaan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bagi mencapai hasrat pelan pembangunan pendidikan 2013-2025. Usaha seterusnya dapat membantu mempertingkatkan kualiti guru dalam melaksanakan sesuatu kemahiran yang baru untuk diterapkan dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Kata kunci: Tahap Sikap Guru, Guru Pendidikan Islam, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

¹ Pelajar PhD, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Saosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor.

² Pensyarah Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Saosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor.

PENDAHULUAN

Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 antaranya untuk mengubah profesion guru ke suatu profesion pilihan menunjukkan bahawa pencapaian pelajar adalah sangat berkait kualiti sikap guru sekolah (Vijayaamalar Gunarasa & Suhaida Kadir, 2013; Aizat Hassan *et al.*, 2018). Kesediaan guru semasa proses PdPc bergantung terhadap sikap yang perlu dimiliki dalam melaksanakan kemahiran berfikir terhadap pelajar (Norshuhada Jusoh & Kamisah Osman, 2019; Rajendran, 2000). Dalam erti kata lain, perubahan di peringkat sekolah tidak mampu dijayakan dengan berkesan jika tahap sikap pelaksanaan kemahiran seseorang guru itu masih lemah. Dalam hal ini, perubahan tersebut adalah dalam kurikulum pendidikan iaitu KBAT. Kajian antarabangsa TIMSS dan PISA menunjukkan bahawa kualiti penguasaan guru adalah faktor asas dan paling signifikan dalam menentukan keberhasilan pelajar (Salihuddin Suhadi *et al.*, 2014).

Namun, kualiti sistem tidak boleh melangkaui kualiti guru (Talhah Ajmain *et al.*, 2019; Maszuria A. Ghani *et al.*, 2014). Sikap guru yang berpengetahuan akan menjadikan proses PdPc yang berkesan agar pelajar mampu memperoleh pengetahuan yang baru dan bermakna. Bagi menghasilkan pelajar yang KBAT, guru terlebih dahulu perlu mempersiapkan diri dengan menguasai pengetahuan tentang KBAT. Kemahiran Berfikir aras tinggi (KBAT) ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM, 2013). Menjadi satu cabaran yang besar kepada para guru Pendidikan Islam (GPI) untuk melaksanakan KBAT di dalam PdPc yang memerlukan sikap proaktif guru dalam melaksanakan KBAT kerana melibatkan aspek penerimaan kognatif pelajar yang tinggi dan kesungguhan guru.

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan aras yang paling tinggi dalam hiraki proses kognitif. Elemen utama dalam membina KBAT terhadap pelajar adalah guru. Oleh itu, guru mempunyai tanggungjawab yang besar dan sangat berperanan dalam menjayakan matlamat Pendidikan Islam (Al-Kaylani, 2005). Maka, guru perlu mempersiapkan diri lebih awal dengan penguasaan kemahiran. Sikap guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan kemahiran ketika PdPc. Justeru, seminar, bengkel dan latihan berkenaan KBAT perlu terus diberi sebagai satu usaha disamping perlukan pemantauan yang dekat untuk membantu mengubah sikap guru.

Meskipun kajian-kajian sebelum ini ada mengkaji berkenaan KBAT terhadap guru, namun belum ada kajian yang khusus mengkaji KBAT terhadap guru Pendidikan Islam di sekolah menengah, terutama menjurus dalam aspek tahap sikap guru dalam pelaksanaan kemahiran terhadap KBAT. Maka, kajian ini berusaha untuk menjelaskan kepentingan terhadap tahap sikap guru dalam pelaksanaan kemahiran.

KAJIAN LITERATUR

Kajian yang lepas, berfokus kepada permasalahan KBAT yang khusus berkaitan dengan sikap pengajaran guru dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah masih kurang. Walau bagaimanapun, terdapat kajian tentang KBAT terhadap guru pendidikan Islam di sekolah Rendah dilakukan oleh Amirah *et al.*, (2016). Namun, rumusan kepada kajian terdahulu ini telah dirangkumkan oleh Hasmaliza (2016) iaitu, perbincangan masih dalam lingkungan Kemahiran Berfikir (KB) iaitu kemahiran yang masih belum ke arah KBAT, dan perbincangan sekitar pengetahuan tentang KB yang dibincangkan dalam PdPc, belum melihat keseluruhan pelaksanaan termasuk sikap.

Tahap Sikap KBAT Guru Pendidikan Islam

Kajian oleh Airi (2003) mendapati bahawa, dalam membina kemahiran berfikir, terdapat hubungan yang signifikan antara guru dengan gandingan pelajar. Hasil kajiannya mendapati 55% pelajar tidak menyukai guru mereka disebabkan guru tidak memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir. Juga kajian oleh Saipolbarin Ramli *et al.* (2019) menjelaskan hal yang sama iaitu masih terdapat segelintir guru masih terpengaruh dengan pengajaran berpusatkan guru dan tidak memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan KBAT di dalam tugas mereka. Kesimpulan kepada kajian ini ialah, sikap dan bentuk kemahiran pelaksanaan guru yang tidak membuka ruang pelajar berbincang dan berfikir akan memberi kesan negatif terhadap pembentukan pelajar tersebut, bermula dengan sikap guru tersebut.

Guru merupakan faktor kritikal dan utama dalam pengajaran Pendidikan Islam kerana kesediaan pelajar banyak bergantung kepada guru, terutama dalam pengajaran ibadah yang memerlukan kepada kefahaman, tunjuk cara, contoh, dan penghayatan (Kasim, 2011; Abdul Jamir Md Saad *et al.*, 2012; Fathiyah Fakhruddin *et al.*, 2013). Suhaimi & Razali Hassan (2014) menjelaskan bahawa, paradigma pengajaran pendidikan Islam seperti bidang ibadah perlu diubah supaya proses pelaksanaannya tidak dibelenggu oleh sikap guru. Selari dengan pandangan Ab. Halim Tamuri *et al.* (2004) yang menyatakan, kualiti guru pendidikan Islam kurang memuaskan berkait rapat dengan sikap dan persekitaran guru. Walaupun kajian tentang ciri-ciri guru berkesan masih diteruskan, terdapat perkara-perkara asas yang perlu dimiliki oleh seseorang guru dalam mengendalikan proses PdPc dengan berkesan. Diantaranya ialah, ilmu pengetahuan tentang mata pelajaran yang diajar, kemahiran untuk mengajar kandungan mata pelajaran tersebut merangkumi kemahiran berfikir dan sikap guru yang sesuai, kerana guru masih lagi dilihat mempunyai monopoli dalam bilik darjah. Pengajaran yang menumpukan kepada KBAT harus banyak berpusatkan pelajar dan guru sebagai pembimbing, hal ini kerana pengajaran dengan

berpusatkan pelajar kini perlu lebih kerap lagi di laksanakan dalam PdPc (Nora'ini Rahman & Aishah Buang, 2019). Dengan sikap guru yang cenderung kepada pengajaran berpusatkan guru lebih tertumpu kepada kemahiran berfikir aras rendah (KBAR), akan mengakibatkan guru menguasai kebanyakan wacana dalam kelas yang secara langsung dan menyebabkan pelajar menjadi pasif (Rajendran, 2000).

Sikap guru juga meliputi pengetahuan dan penguasaan guru ketika PdPc. Perkara ini adalah penting kerana dalam konteks guru didedahkan kepada inovasi dalam pedagogi, seperti dalam situasi dimana guru-guru perlu mengajar KBAT, penguasaan guru dalam aspek-aspek tersebut diatas akan mempengaruhi perubahan yang mereka lakukan ke atas amalan pedagogi mereka. Dalam konteks ini, Putnam & Borko (1996) mencadangkan bahawa, *“When teachers try to learn new instructional practices, their existing views of teaching and learning and their knowledge of instructional strategies can have a profound influence on the changes they actually make”*. Kajian (Rajendran, 2000) mengemukakan data yang menunjukkan bahawa guru-guru secara signifikan berbeza sikap dalam persepsi mereka terhadap pelaksanaan KBAT dalam PdPc. Responden yang diterima bagi item yang diberikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan apabila, *“saya lebih suka menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan daripada mengajar kemahiran berfikir”* dan *“saya menghadapi masalah dalam menyediakan pelajar untuk menghadapi peperiksaan dan masa yang sama menyediakan mereka untuk berfikir”*. Justeru, hal ini menunjukkan bahawa sikap guru yang membina dan positif terhadap KBAT akan menyebabkan KBAT boleh berlaku sepanjang masa ketika PdPc.

Maka kesimpulannya, kajian yang lepas menampakkan bahawa, sikap guru pendidikan Islam terhadap KBAT itu sendiri masih merisaukan, kerana masih terdapat guru yang mengambil sikap acuh tidak acuh dalam pengajaran berunsur KBAT, bahkan terdapat guru yang merasakan bahawa kepelbagaian kemahiran yang cuba diterapkan oleh kementerian seperti KBAT ini, didapati terlalu berat untuk diserap oleh para guru (Norafidah Noralidin Jabayan & Juliana Osong, 2015). Justeru, sikap seseorang guru merupakan aspek yang penting kepada pelaksanaan kemahiran dalam pengajaran KBAT kerana ia mencorakkan aktiviti pasif atau aktif pelajar ketika PdPc serta cerminan kepada pelajar. Semakin positif sikap guru terhadap pelaksanaan KBAT, semakin tinggi penerapan dan pemahaman pelajar terhadap sesuatu penagajar tersebut.

METODOLOGI

Skop dan Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Syed Arabi Idid (1998); Najib Ghafar (2003), kaedah kuantitatif adalah sesuai untuk mengukur

pandangan responden terhadap sesuatu isu atau topik, dan pencapaian matlamat responden. Kajian lapangan menggunakan soal selidik juga merupakan kaedah pengumpulan data terbaik apabila wujud situasi di mana populasi kajian adalah terlalu besar (Babbie, 2004). Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan persampelan rawak mudah yang melibatkan guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah Menengah di kawasan Bangi dan Kajang. Kawasan Bangi dan Kajang mempunyai 14 buah sekolah Menengah memandangkan masih belum pernah ada kajian di kawasan tersebut serta memandangkan bilangannya kecil, penyelidik menetapkan untuk menggunakan populasi dalam kajian ini terhadap dua kawasan ini.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang ditadbir oleh pengkaji sendiri. Instrumen ini terdiri daripada 12 item yang diukur dengan menggunakan skala likert 5 mata. Item-item yang digunakan di dalam soal selidik ini telah di olah daripada Ahmad Tarmizi (2016), Hasmaliza (2016), dan Nurliyana (2015). Bahagian A mengandungi dua soalan demografi iaitu jantina dan kehadiran ke bengkel atau kursus KBAT. Manakala bahagian B pula mengandungi 10 tentang sikap guru Pendidikan Islam terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Data dan maklumat yang diperolehi daripada responden melalui soal selidik ini dianalisis secara kuantitatif.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian ialah di 14 buah sekolah Menengah di kawasan Bangi dan Kajang, Selangor. Lokasi kajian ini dipilih memandangkan lokasi yang dipilih kerana sebelum ini masih belum terdapat kajian yang mengkaji perihal ini disini. Hal ini secara tidak langsung mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian berkenaan penguasaan sikap guru khususnya guru Pendidikan Islam berkaitan dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di peringkat sekolah menengah. Selain itu, lokasi kajian ini dipilih kerana memudahkan penyelidik untuk menjalankan tinjauan terhadap semua sekolah yang terlibat dengan kos yang lebih rendah selain menjimatkan masa penyelidik memandangkan kawasan di sekitar Bangi dan Kajang adalah lebih dekat dan mudah untuk dikunjungi berbanding kawasan lain.

Penganalisan Data Kajian

Jawapan soal selidik dianalisis menggunakan komputer dengan aplikasi *IBM Stastical Package*. Penganalisan data ini melibatkan statistik deskriptif untuk melihat tahap penguasaan sikap guru Pendidikan Islam terhadap penerapan KBAT dalam matapelajaran Pendidikan Islam. Statistik deskriptif merupakan

analisis dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min bagi menghuraikan sampel kajian serta menjawab soalan-soalan kajian. Menurut Mohd Majid (2009), analisis data menggunakan perisian pengatur cara SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas daripada ralat.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Profil Responden

Taburan sampel kajian ini terdiri daripada 105 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Menengah kebangsaan di kawasan Bangi dan Kajang, Selangor. Analisis latar belakang guru tertumpu kepada maklumat demografi responden. Dapatan tentang profil responden ditunjukkan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Profil Responden

Demografi	Kategori Responden	Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	12	11.4%
	Perempuan	93	88.6%
Hadir bengkel KBAT	Hadir	94	89.5%
	Tidak pernah hadir	11	10.5%

Responden kajian adalah terdiri daripada 12 orang (11.4%) guru lelaki dan 93 orang (88.6%) guru perempuan. Manakala dari aspek bilangan kehadiran terhadap bengkel KBAT adalah, lebih ramai pernah hadir berbanding tidak pernah hadir. Secara keseluruhannya, dalam kajian yang dilaksanakan ini guru perempuan adalah lebih ramai berbanding dengan guru lelaki dan jumlah bilangan yang pergi ke bengkel KBAT adalah lebih ramai daripada yang tidak pernah pergi. Namun, dapatan mengejutkan kerana masih terdapat guru pendidikan Islam yang belum pernah pergi ke bengkel KBAT dalam tempoh KBAT ini diperkenalkan.

Analisis Deskriptif

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian, iaitu tahap penguasaan sikap kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam. Laporan analisis keputusan dipaparkan dalam bentuk min dan sisihan piawai serta mengikut interpretasi skor min.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor Purata	Interpretasi
1.00-1.89	Sangat Rendah
1.90-2.69	Rendah

2.70-3.49	Sederhana
3.50-4.29	Tinggi
4.30-5.00	Sangat tinggi

Sumber: *Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006) Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Kuala Lumpur.*

Tahap Penguasaan Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan KBAT

Analisis deskriptif bagi 10 item aspek sikap guru pendidikan Islam terhadap KBAT menunjukkan item, “*Saya akan mendapatkan latihan yang berterusan untuk menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran Pendidikan Islam*” mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu sebanyak 4.16 dengan sisihan piawai ($sp=0.476$) pada tahap sikap yang tinggi. Manakala nilai min yang terendah adalah pada item “*Tanggungjawab guru mengajar KBAT hanyalah terhad di sekolah*” dengan nilai 2.99 dan sisihan piawai ($sp=0.650$).

Berdasarkan Jadual 2, skor min keseluruhan aspek sikap guru-guru Pendidikan Islam terhadap KBAT menunjukkan nilai min 3.66 dengan sisihan piawai ($sp=0.338$) dengan tahap sikap guru-guru pendidikan Islam terhadap KBAT adalah pada tahap tinggi. Jadual 2 memerihalkan secara terperinci analisis min dan sisihan piawai serta tahap sikap guru-guru pendidikan Islam terhadap KBAT.

Jadual 3: *Tahap penguasaan Sikap guru-guru Pendidikan Islam terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)*

Bil	Item Sikap	Min	Sisihan piawaian
1	Tanggungjawab guru mengajar KBAT hanyalah terhad di sekolah	2.99	.650
2	Saya terus menerapkan elemen KBAT dari semasa ke semasa dalam pengajaran.	4.76	.435
3	Adalah menjadi tanggungjawab guru untuk mengetahui sendiri pengajaran penerapan elemen KBAT.	4.04	.563
4	Saya akan mendapatkan latihan yang berterusan untuk menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran PI.	4.26	.476
5	Saya merasa suatu kepuasan ketika menerapkan KBAT dalam pengajaran.	3.88	.672
6	Saya mengubahsuai kandungan sukatan pelajaran bagi manfaat pelajar.	3.41	.853
7	Kandungan sukatan pelajaran perlu diubahsuai berdasarkan kepada keperluan pelajar walaupun ia menambahkan tugas buat saya.	3.73	.805
8	Saya menghadapi masalah dalam menyediakan pelajar	3.28	.839

	menghadapi peperiksaan berbanding menyediakan mereka berfikir ke arah KBAT.		
9	Saya lebih suka menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan berbanding menerapkan elemen KBAT.	3.32	.806
10	Proses PdPc tidak satu nada apabila saya menerapkan elemen KBAT.	3.56	.724
Keseluruhan		3.66	.338

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Tahap Penguasaan Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan KBAT

Sikap merupakan aspek yang besar dalam membina jati diri guru pendidikan Islam itu sendiri, semakin positif sikap guru tersebut, semakin luas penguasaan KBAT yang mampu seseorang guru tersebut kuasai. Sikap akan menentukan kesediaan seseorang guru itu untuk mengajar, sikap juga akan menentukan jenis kesungguhan seseorang guru itu dalam hendak melaksanakana kemahiran KBAT dalam pengajaran. Justeru, cabaran-cabaran yang perlu ditangani oleh guru pendidikan Islam kini adalah menangani sikap guru yang tidak mementingkan kesediaan mengajar (Norakma Daud *et al.*, 2015).

Hasil daripada kajian ini menunjukkan, tahap sikap guru pendidikan Islam terhadap KBAT sederhana tinggi (min 3.66). Terdapat konstruk yang menunjukkan dapatan min di tahap sederhana terdapat pada tiga item. Hal ini menunjukkan tahap penguasaan sikap guru pendidikan Islam terhadap KBAT perlu diperhalusi. Namun di dalam tiga item yang dilihat rendah tersebut, pengkaji memilih untuk membuat soalan berbentuk negatif, dan ada kemungkinan responden menjawab dengan jawapan yang terbalik. Kajian lain yang di jalankan oleh Razali Kasmin *et al.* (2019) yang menunjukkan amalan sikap guru dalam pengajaran di sekolah negeri Selangor berada di aras yang tinggi, selari dengan kajian yang dijalankan ke atas guru Bahasa arab juga menunjukkan sikap guru pengajian Islam ini masih di aras tinggi (Saipolbarin Ramli *et al.*, 2019)

Kajian daripada luar negara mengenai sikap guru terhadap terhadap KBAT dalam pelaksanaannya dalam pengajaran Abad ke-21 ada yang positif. Bagi memastikan KBAT itu berjaya diterapkan, sikap seorang guru itu perlu memfokuskan PdPc menggunakan kaedah berpusatkan pelajar dalam hendak memastikan KBAT berjaya diterapkan (Sener, N., Turk, C., & Tas, E., 2015). Kajian yang dijalankan oleh M. Y. Kamarudin *et al.* (2016) menyokong hasil kajian ini iaitu guru bertindak kreatif dan kritis dalam melaksanakan aktiviti KBAT didalam kelas bersama pelajar. Guru juga bersikap memberi galakan, peluang dan ruang untuk pelajar belajar, berfikir dan bertindak balas.

Namun, menurut Masnah (2014) sikap guru masih belum berada ditahap komitmen yang tinggi dalam melaksanakan KBAT dalam PdPc. Kajian oleh Vijayaletmy Muniyandy & Selvam Narayanasamy (2015), menjelaskan guru-

guru bahawa perancangan PdPc berunsur KBAT ini memerlukan perancangan yang rapi. Namun melihat situasi realiti, di mana guru-guru dibebankan dengan pelbagai kerja tambahan seperti pengkeranian dan menyediakan pelajar-pelajar ke arah peperiksaan dengan bertungkus lumus menghabiskan sukatan pelajaran, sukar bagi mereka untuk menumpukan perhatian terhadap konsep ini. Namun, 30 responden dalam kajian beliau, mengaku mereka mengadakan pengajaran berunsur KBAT atau mirip kepada KBKK ini sekurang-kurangnya sekali seminggu melalui teknik perbincangan atau pembentangan pelajar. Lima responden pula berpendapat mereka memang mengajar dengan teknik KBAT kerana mereka banyak menggalakkan pelajar-pelajar menjawab soalan dan melalui perbincangan.

Justeru, bagi pengamatan pengkaji, motivasi seseorang guru tersebut akan membina sikap guru yang positif terhadap KBAT yang ingin dijalankan. Hal ini menunjukkan, guru perlu selalu diberi ruang galakkan untuk mengikuti kursus dan bengkel KBAT agar suasana motivasi tersebut mampu membina sikap guru yang positif berpanjangan dalam melaksanakan KBAT. Seterusnya, bebanan tugas guru yang terlalu banyak perlu dikurangkan bagi memberi ruang kepada guru fokus dalam menerapkan KBAT ke atas pelajar.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, hasil kajian memperlihatkan tahap sikap guru Pendidikan Islam menerapkan KBAT dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan adalah sederhana dan tinggi seterusnya bersifat positif. Hal ini dapat dilihat daripada tahap sikap guru Pendidikan Islam yang baik dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam PdPc Pendidikan Islam. Diharapkan maklumat daripada kajian ini dapat memberikan sebahagian gambaran terkini mengenai tahap penguasaan sikap guru khususnya guru Pendidikan Islam di sekolah menengah terhadap penerapan kemahiran berfikir (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di kawasan Bangi dan Kajang, Selangor.

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan asas kepada proses pendidikan. Keupayaan seseorang guru terhadap sikap melaksanakan kemahiran dalam mencorakkan gaya berfikir mempengaruhi kemahiran berfikir dalam kalangan para pelajar seterusnya menjamin keberkesanan dalam proses pengajaran. Guru selaku elemen utama mengintegrasikan masyarakat yang berfikiran aras tinggi memerlukan guru itu sendiri kompeten menggunakan KBAT. Apabila guru melaksanakan pengajaran yang mengandungi pedagogi yang membantu pelajar membangunkan KBAT, guru berupaya secara langsung meningkatkan pencapaian pelajar. Di samping itu, pembangunan KBAT akan dapat memudahkan transisi pengetahuan dan kemahiran kepada tindakan yang bertanggungjawab dan fungsi tertentu mereka dalam masyarakat. Sesungguhnya kewibawaan guru Pendidikan Islam akan terserlah bilamana guru Pendidikan

Islam khususnya mampu memindahkan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari kepada situasi-situasi yang memerlukan mereka mengaplikasikan KBAT dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Kajian ini perlu diperhalusi lagi dalam bentuk kualitatif agar ada bukti emperikal.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusop, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. (2004). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan akhir projek penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Jamir Md Saad, Ab. Halim Tamuri & A'dawiyah Ismail. (2012). *Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam*. <http://www.ipislam.edu.my> [13 Oktober 2019].
- Ahmad Tarmizi. (2016). *Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Daerah Seberang Prai Utara Pulau Pinang*. Tesis Sarjana. UKM.
- Ahmad Yunus Kasim. 2011. *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aizat Hassan, Faizal Rabani, Ekhwan Shukor, Mastifino Majid. (2018). *Teacher Attitudes toward Change in Schools in Malaysia*. 10.13140/RG.2.2.30663.34722
- Al-Kaylani, Majid Arsan. (2005). *Ahdaf altarbiyyah al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam, Emiriah Arab Bersatu.
- Babbie, E. (2004). *The Practice of Social Research (9th ed.)*. Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Fathiyah Fakhruddin, Norhayati Alwi, Lukman Abd Mutalib & Azimi Hamza. (2013). *Pemahaman dan Pengamalan Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan dalam Pengajaran*. The Online of Islamic Education, Jil 1(1), 1-16.
- Hasmaliza Hasan. (2016). *Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Tesis Sarjana. UKM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Buku Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Lembaga Peperiksaan*, Muka surat; 71-72.
- M. Y. Kamarudin et al. (2016). *Inculcation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Arabic Language Teaching at Malaysian Primary Schools*. Creative Education, Jil 7; 307- 314. Scientific Research Publishing Inc.
- Majid K. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masnah. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Maszuria A. Ghani, Salina Omar, Marina Abdul Majid & Rosnah A. Rajak. (2014). *Guru dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur. Freemind Horizons. Sdn. Bhd.
- Muhammad Talhah Ajmain, Aminudin Hehsan, Juhazren Junaidi & Ahmad Marzuki. (2019). *Knowledge of Islamic Education in Implementing Teaching of Higher Order Thinking Skill (HOTS)*. Journal of Islamic, Social,
- Najib Ghafar. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Nora'ini Abdul Rahman, Nor Aishah Buang. (2019). *Hubungan Gaya Pengajaran Guru dengan Sikap Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan*. International Journal of Education, Psychology and Counseling, Jil 4(31), 248 – 259.
- Norafidah Noralidin Jabayan & Juliana Osong (2015). *Meningkatkan Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)*. Proceeding, 6th Pedagogy International Seminar. 6(1): 1-412.
- Norakma Daud, Abdul Razak Ahmad, Noria Munirah Yakub. (2015). *Pembelajaran Berteraskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah*. Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education, November 5-7, 2015.
- Norshuhada Jusoh & Kamisah Osman. (2019). *Level of Preparation and Teacher's Training Requirements in Implementing The HOTS In Science Teaching*. International Journal of Modern Trends in Social Sciences. Jil 2(8); 42-54.
- Nurliyana Abd Halim. (2015). *Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Pemahaman Bacaan*. Tesis. UKM.
- Putnam, R & Borko, H. (1996). *Teacher Learning: Implications of new views of Cognition*, in B. J. Biddle, T. L. Good, & I. F. Goodson (Eds.). The International Handbook of Teachers and Teaching. Dordrecht, The Netherlands: Kluwer.
- Rajendran. (2000). *Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesiediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran*.
- Ramli, S., Abdul Ghani, M. T., Atoh, N. & Muhammad Romli, T. R. (2019). *Integrasi Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berasaskan Kit Media dalam Amalan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Guru Pelatih Bahasa Arab*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL). Jil 9(1); 33-44.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. (2019). *Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan*. Journal of Management and Operation Research. Jil 1(4), 1-23.

- Salihuddin Suhadi, Baharuddin Aris, Hasnah Mohammed, Norasykin Zaid & Zaleha Abdullah. (2014). *Penguasaan Pelajar dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dengan Pembelajaran Kaedah Sokratik*. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik*, 11-13.
- Sener, N., Turk, C., & Tas, E. (2015). *Improving Science Attitude and Creative Thinking Through Science Education Project: A Design, Implementation and Assessment*. *Journal of Education and Training Studies*, Jil 3(4), 57-67.
- Suhaimi & Razali Hassan. (2014). *Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Pendidikan Islam Berasaskan Kaedah Simulasi*. *Prosiding, Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (Wpi10)*.
- Syed Arabi Idid. (1998). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vijayaamalar Gunarasa & Suhaida Abdul Kadir. (2019). *Sikap Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan, Zon Bangsar, Kuala Lumpur*. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2013)*.
- Vijayaletmy Muniyandy, Selvam Narayanasamy. (2016). *Amalan Penyeliaan Pengajaran Ketua Jabatan dan Peningkatan Tahap Efikasi Guru*. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*, Jil 33; 153 - 165
- Wan Amirah, Wan Ismail, Maimun Aqsha Lubis & Muhammad Isa. (2016). *Kesediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor Terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, Jil 3(1); 79-92.